

16/03/2004

Pasaran melonjak tanpa menoleh ke belakang

By Kamarulzaidi Kamis

PASARAN saham tempatan telah merekodkan prestasi terbaik berbanding pasaran serantau lain pada Februari lalu. Dalam tempoh sebulan Indeks Komposit (IK) KLSE melonjak lebih 60 mata (7.7%) dari paras terendah bulanan, 803.73 yang di catat pada 4 Feb ke paras tertinggi 818.11 mata pada 27 Feb lepas, paras tertinggi dalam tempoh 45 bulan sejak Julai 2000 lalu. Perbandingan dengan bursa serantau lain, boleh dikatakan keseluruhannya mencatat penurunan kecuali Taiwan yang merekodkan kenaikan lebih kurang 5%. Selain dari itu indeks-indeks utama dunia lain seperti Dow Jones, Nasdaq, DAX dan FTSE, masing-masing telah mengalami sedikit penyusutan.

Setelah pulih dari kebimbangan serangan selsema Avian yang melanda sebilangan negara Asia, rentetan berita-berita dan petunjuk-petunjuk positif yang bertali arus dari sudut ekonomi, politik, kedudukan perolehan, aktiviti pengambil alihan dan pengabungan syarikat-syarikat tersenarai serta komen-komen positif dari agensi-agensi pelaburan antarabangsa menyebabkan pasaran tempatan terus melonjak tanpa menoleh ke belakang. IK meningkat melepasi dua paras halangan kritikal pada 824 mata dan 846 mata untuk menguji paras halangan terbaru, 900 mata, di akhir Februari.

Dua sektor utama yang mempamerkan prestasi cemerlang pada bulan Februari adalah telekomunikasi dan kewangan, diikuti oleh sektor pembalakan dan juga pengangkutan. Kenaikan di sektor pembinaan pula agak berpilih-pilih, manakala pergerakan saham-saham dari pembinaan, minyak dan gas serta teknologi secara umumnya agak perlahan.

Di kalangan pelabur runcit, faktor utama yang cukup hangat diperkatakan tentunya adalah mengenai penyertaan CalPERS dan juga rali musim pilihan raya. Manakala pertumbuhan di luar jangkaan ekonomi negara tahun lalu dan prospek pertumbuhannya pada tahun ini yang jelas pada tahun ini serta prestasi perolehan syarikat-syarikat tempatan yang cemerlang menjadi faktor penyokong utama kepada kenaikan pasaran kali ini.

Rali pilihan raya

Rali pilihan raya berkemungkinan besar berlaku berasaskan tinjauan pada pergerakan pasaran tahun-tahun terdahulu. Pilihan raya menjadi faktor penarik kepada pelabur untuk menyertai pasaran dengan pergerakan harga yang agak spekulatif. Jangkaan ini juga disokong oleh prospek ekonomi domestik dan global yang memberangsangkan, keadaan geopolitik dunia yang kembali stabil serta kedudukan parti pemerintah yang semakin popular.

Pada keluaran lepas, saya telah kemukakan antara fakta-fakta yang dapat disimpulkan daripada penelitian tingkah laku pasaran menjelang musim pilihan raya pada 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999. Secara amnya pasaran memberi reaksi seawal satu hingga tiga bulan sebelum tarikh pilihan raya dengan pergerakan harga dalam kadar volatiliti yang tinggi. Walau begitu, peningkatan yang besar hanya dilihat berlaku selepas pilihan raya kecuali pada tahun 1982 dan 1990. Ini disebabkan pada dua tahun tersebut, pasaran tempatan agak tertekan dengan kemelesetan ekonomi global 1982 dan Perang Teluk 1990.

Fokus pelabur ketika itu juga agak spekulatif dengan tumpuan kepada syarikat-syarikat tertentu yang dianggap sensitif kepada politik seperti sektor pembinaan, infrastruktur dan media. Manakala lonjakan pasaran selepas pilihan raya lebih menyeluruh dengan penyertaan besar oleh dana asing terutamanya apabila parti pemerintah mencatat majoriti lebih besar

dari sebelumnya.

Faktor CalPERS

Paling ketara pada Februari lalu adalah penyenaaraian semula Malaysia sebagai salah satu destinasi pelaburan CalPERS setelah menarik diri dari pasaran tempatan dua tahun lalu. Setelah sekian lama ketandusan kemasukan dana asing, dana pencen terbesar Amerika Syarikat tersebut kini kembali melihat Malaysia sebagai antara pusat pelaburan yang kondusif di rantau ini. Dana tersebut dipercayai memiliki dana pelaburan sejumlah USD161 bilion dan peruntukan pelaburannya dalam pasaran baru bertumbuh adalah sekitar USD2.6 bilion hingga USD3 bilion.

Dalam suatu penilaian dibuat oleh dana tersebut seperti yang dilaporkan pada pertengahan Februari lalu, Malaysia telah melepasi ujian dengan mencatat markah lebih cemerlang berbanding sebelum ini. Secara amnya, perunding CalPERS kembali mencadangkan Malaysia berdasarkan penilaiannya terhadap dua kriteria utama, iaitu kedudukan dalaman negara dan juga faktor pasaran.

Dalam suasana dalaman negara, perunding khas CalPERS, Wilshire Consulting, melihat suasana politik negara berada pada kedudukan yang amat stabil, di samping lebih telus serta mengamalkan tenaga kerja yang produktif. Dari segi faktor pasaran pula, mereka melihat pemulihan dalam kecairan pasaran; faktor regulasi, sistem pasaran dan perlindungan pelabur yang baik; keterbukaan pasaran; serta kecekapan dalam penyelesaian dan kos pelaburan yang rendah.

Apa yang jelas adalah langkah tindakan mereka ini telah membuka mata para pelabur asing lain yang selama ini turut menyepi dari pasaran tempatan. Malah ada di antara mereka cuba mendahului kemasukan CalPERS dengan memasuki pasaran tempatan lebih awal. Tingkah laku mereka ini dikesan dengan kenaikan tinggi pada kaunter mewah, terutamanya dalam sektor telekomunikasi dan perbankan.

Sebelum itu pasaran tempatan telah menerima komen positif dari agensi pelaburan antarabangsa, Standard & Poor's, serta peningkatan penarafan mata wang asing oleh syarikat khidmat pelaburan antarabangsa, Moody's Investors Service. Peningkatan penarafan ini dibuat berasaskan jangkaan kewangan yang lebih cemerlang setelah mengambil kira lebihan akaun semasa yang tinggi direkodkan setelah pulih dari Krisis Kewangan Asia 1997; rizab antarabangsa yang meningkat pada tahun lalu berbanding hutang luar dan hutang jangka pendek yang rendah dan terkawal; serta kedudukan aliran pelaburan antarabangsa yang positif.

Lebih banyak lagi agensi-agensi pelaburan antarabangsa dijangka akan menaikkan penarafan Malaysia pada masa akan datang setelah menyedari nilai pasaran tempatan yang agak rendah dan kurang pendedahan berbanding pasaran-pasaran serantau lain sebelum ini terutamanya Thailand.

Pertumbuhan ekonomi luar jangkaan

Laporan pertumbuhan KDNK pada suku keempat 2003 yang amat cemerlang dilaporkan bulan lalu menjadi pertumbuhan keseluruhan ekonomi 2003 ternyata di luar jangkaan ramai penganalisis tempatan dan juga asing. Peningkatan mengejutkan sejumlah 6.4% dari tahun ke tahun yang direkodkan pada suku keempat tahun lalu ini juga merupakan pertumbuhan sukuan tertinggi dalam tempoh tiga tahun. Kali terakhir pertumbuhan tinggi dicatatkan adalah pada suku keempat 2000 iaitu pada kadar 6.7% dari tahun ke tahun.

Dari sudut penawaran, keseluruhan sektor mencatatkan peningkatan dengan diterajui oleh sektor perkilangan khususnya yang berorientasikan pasaran eksport. Manakala dari sudut permintaan, keseluruhan permintaan agregat [penggunaan awam (C), perbelanjaan kerajaan (G), pelaburan kasar swasta (Ig) dan eksport bersih (Xn)] telah mencatat peningkatan.

Berasaskan statistik-statistik tersebut juga, saya menjangkakan ekonomi

secara keseluruhan untuk tahun ini mampu merekodkan bacaan melebihi 6%. Pertumbuhan ekonomi pada tahun ini dijangka bakal disokong oleh peningkatan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik terutama oleh negara-negara perindustrian utama dunia seperti Jepun, Kesatuan Eropah, AS dan turut juga disertai oleh pertumbuhan berterusan China dan India; industri elektronik negara dijangka pulih dengan peningkatan pelaburan dan permintaan oleh individu dan perniagaan dalam produk-produk berasaskan teknologi; harga komoditi yang diramalkan kukuh; dan suasana persekitaran kadar faedah yang dijangka kekal rendah terus menjadi pemangkin utama penggunaan persendirian dan perbelanjaan pelaburan.

Laporan perolehan syarikat cemerlang

Boleh dikatakan kebanyakan syarikat-syarikat yang melaporkan keputusan perolehan sehingga akhir Februari berada di luar jangkaan awal penganalisis tempatan, manakala yang sebilangan kecil berada dalam dan di bawah jangkaan. Antara syarikat yang dikira telah melaporkan keputusan yang di luar jangkaan sehingga akhir bulan lalu adalah Public Bank, EON Cap, Maybank, DiGi dan Sime Darby.

Kesan laporan-laporan perolehan yang di luar jangkaan ini akan menyebabkan ramai pelabur terutamanya pelabur jangka panjang menilai semula kedudukan portfolio masing-masing. Mereka tentunya meningkatkan jangkaan dan menambah pendedahan pada kaunter yang dianggap kukuh secara fundamental. Ini dibuat berasaskan nilai sebenarnya yang baru bagi setiap kaunter dan juga sasaran pasaran keseluruhan atau IK yang lebih tinggi dari sebelumnya.

Persekitaran politikal-ekonomi makin mantap

Walaupun pada awalnya ramai pelabur berasa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadapi tugas mencabar dalam menggantikan tempat Tun Dr Mahathir Mohamed sebagai Perdana Menteri. Namun persepsi pelabur pada hari ini jelas jauh berbeza berbanding sebelum Oktober 2003 lalu.

Bermula dengan penyusunan semula pengurusan atasan di beberapa jabatan penting kerajaan; langkah untuk mengurangkan kerenah birokrasi dalam meningkatkan kecekapan agensi-agensi kerajaan; inisiatif dalam mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam beberapa sektor yang kurang produktif untuk disalurkan kepada sasaran lebih besar dalam usaha mengurangkan bajet defisit yang berlarutan dan usaha meningkatkan produktiviti serta tahap daya saing keluaran tempatan; rombak barisan kabinet baru yang kukuh serta, dan yang terbaru adalah langkah serius kerajaan dalam memerangi rasuah.

Sambutan para pelabur terhadap langkah-langkah kerajaan ini jelas digambarkan dengan kenaikan tinggi pasaran saham tempatan. Secara umumnya, tiada kuasa individual yang mampu merangsang kenaikan pasaran saham secara berterusan seperti ini melainkan penyertaan yang menggambarkan sokongan dan sambutan dari pelbagai lapisan pelabur runcit tempatan serta asing dan pelabur institusi tempatan serta juga asing.

Tinjauan teknikal pasaran

Bagi yang bertanyakan kedudukan sasaran awal saya untuk 2004, berasaskan perkembangan terbaru ini, saya juga tidak terkecuali dari menyemak semula sasaran awal seperti yang disiarkan dalam ruangan ini pada Januari lalu. Bagi yang kurang biasa dengan cara ini, secara umumnya analisis ini dibuat berasaskan nisbah emas Fibonacci (0.618, 1.618 dan 2.618) dan dikait dengan tata kerja Gann dan juga Elliott.

Merujuk kepada carta pergerakan harian IK, sedikit perubahan dibuat di mana titik tertinggi asas bagi senario ke-III telah disemak semula dari 737.67 kepada 818.57 mata.

Berdasarkan kepada carta pergerakan harian IK, tiga senario lonjakan dapat dibuat. Jika tidak berlaku perkara di luar jangkaan dan kawalan, menerusi analisis teknikal berasaskan kaedah Fibonacci dan kerja-kerja

Elliott dengan mengambilkira paras terendah 614, manakala paras tertinggi 694.44, 737.92 dan 818.57, tiga senario boleh ke sasaran tertentu dapat dikemukakan. Dari ketiga-tiga senario sasaran lonjakan tersebut, kesimpulan dapat dibuat iaitu paras sokongan utama IK semasa adalah dalam zon 814.50 hingga 824.59 mata, manakala paras atau zon halangan utama bagi IK adalah diantara 890 hingga 905.03 mata dan 938.42 hingga 950 mata.

Seperti yang saya nyatakan dalam penulisan terdahulu, sekiranya kita bergantung kepada kecairan domestik semata-mata, maka tiga sasaran lonjakan IK adalah 905.03 dan 938.42. Berdasarkan kecairan domestik sahaja kenaikan harga saham juga agak terbatas dan lebih spekulatif. Saham bermodal kecil dan bersifat pusingan akan menjadi tumpuan utama.

Akan tetapi dengan jika terdapat kehadiran dana asing secara besar-besaran dalam maka tiga sasaran utama IK adalah zon antara 1,062.64 dan 1085.00, manakala sasaran seterusnya adalah 1,150 dan 1,333 mata. Dalam situasi ini, kenaikan harga saham dilihat akan lebih menyeluruh.

Artikel ini berasaskan pendapat penulis dan sebagai informasi semata-mata.

* Kamarulzaidi Kamis adalah Penganalisis Ekonomi dan Teknikal Pasaran, Double VentureOne Sdn Bhd. E-mel: kamarul_lxg@operamail.com atau SMS ke 013-3382288

(END)